

Pindahkan tesis ke buku

id: 10 06/11/103 11/15/11

JUMLAH buku ilmiah di negara ini terlalu rendah jika dibandingkan dengan bilangan pensyarah yang ada. Setiap tahun tidak lebih daripada 500 buku ilmiah diterbitkan di negara ini.

Dengan jumlah pensyarah yang ada di institusi pengajian tinggi awam atau swasta berjumlah lebih 15,000 orang, ternyata jumlah buku ilmiah itu amat mengecewakan. Nyata bahawa produktiviti ahli akademik kita dalam penerbitan buku ilmiah amat rendah.

Kebanyakan buku ilmiah di negara ini diterbitkan oleh para penerbit universiti. Dewan Bahasa dan Pustaka tidak lagi menjadi penerbit buku ilmiah yang utama, sementara tidak banyak penerbit swasta sanggup membiayai penerbitan buku ilmiah yang amat rendah pulangnya itu. Memang benar bahawa buku ilmiah sukar dijual dan pelaburan untuk menerbitkannya jarang memperoleh pulangan yang memuaskan. Tidak hairanlah tidak banyak penerbit yang sanggup menceburi penerbitan jenis ini. Mujurlah ada penerbit universiti yang diberikan modal sehingga buku ilmiah dapat diterbitkan di negara ini.

Apakah buku ilmiah? Adakah semua buku yang diterbitkan oleh penerbit universiti mencapai tahap buku ilmiah. Ini suatu persoalan yang rumit untuk dilerai. Sesetengah penerbit universiti menerbitkan buku teks, koleksi ucapan naib canselornya, dan buku-buku lain yang tidak mencapai tahap 'scholarly' atau ilmiah.

Asalkan buku itu diterbitkan oleh penerbit universiti, umumnya dianggap bahawa buku itu buku ilmiah. Malahan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (Mapim) pun menerima buku-buku sedemikian sebagai buku ilmiah apabila melaporkan jumlah judul yang diterbitkan oleh masing-masing penerbit universiti.

Nische Dalam Penerbitan

Di Amerika, para penerbit universiti hanya menerbitkan buku yang berasaskan penyelidikan (research based), khususnya yang asalnya tesis atau laporan penyelidikan. Mereka tidak menerbitkan buku teks kerana umumnya disadari bahawa buku ini tidak membawa merit akademik yang tinggi kepada penulisnya. Tambahan pula, para penerbit universiti tidak mampu ber-



PENERBITAN buku ilmiah di negara ini boleh dipertingkatkan dengan menerbitkan buku-buku yang asalnya tesis bermutu serta layak diketengahkan.

– Gambar hiasan

saing dengan penerbit komersial seperti Prentice-Hall, McGraw-Hill, dan Thomson yang mengkhusus dalam penerbitan buku teks untuk universiti.

Untuk memastikan penerbit universiti dikenali dalam niche atau fokus akademiknya, mereka menerbitkan buku yang asalnya tesis.

Dengan berbuat demikian, penerbit dan universiti induknya dapat mengibarkan bendera akademiknya sehingga pengkhususan itu dikenali. Demikianlah umpamanya, penerbit Universiti Harvard mengkhusus dalam penerbitan buku-buku pengurusan dan perniagaan, sementara California Universiti Press mengkhusus dalam buku-buku sains sosial dan kajian tentang Amerika. Chicago Universiti Press dikenali kerana buku-bukunya dalam kesusasteraan dan penulisan.

Para penerbit universiti di negara ini perlu menjadikan amalan sedemikian sebagai panduan. Setiap buku yang diterbitkan perlulah mencerminkan niche yang ingin dibina oleh universiti induknya. Penerbit Universiti Utara Malaysia umpama-

nya perlulah menerbitkan buku-buku yang sesuai dengan tumpuan akademik universiti itu, iaitu dalam bidang pengurusan dan perniagaan.

Penerbit Universiti Teknologi Malaysia pula bertumpu pada penerbitan karya ilmiah dalam sains dan teknologi. Seandainya mereka menerima manuskrip yang bukan menjadi niche universitinya, manuskrip itu hendaklah diberikan kepada penerbit universiti lain yang sesuai.

Di samping itu, para penerbit universiti tempatan perlulah memberikan tumpuan yang lebih dalam penerbitan karya ilmiah yang sebenar. Salah satu sumber untuk buku ilmiah yang wajar diterokai dengan serius ialah tesis.

Semua pensyarah yang jumlahnya melebihi 15,000 orang itu mempunyai sekurang-kurangnya sebuah tesis, sama ada di peringkat ijazah pertama, Sarjana atau Doktor Falsafah. Bagi pensyarah dalam sains sosial, mereka mungkin dapat menghasilkan sehingga tiga buah tesis. Dengan andaian itu, sekurang-kurangnya ada 15,000 buah tesis yang sedia ada yang boleh

dijadikan asas untuk menerbitkan buku.

Memang tidak semua tesis sesuai diterbitkan. Sebahagian besar daripadanya perlu diubah suai kerana keperluan tesis berbeza dengan buku. Pembaca tesis juga berbeza dengan pembaca buku, sementara banyak elemen dalam tesis yang sama ada perlu dibuang begitu sahaja atau dikurangkan atau ditambah apabila menjadi buku.

Usaha memindahkan tesis ke buku bukanlah mudah dan para pensyarah perlu diberikan bimbingan tentang kaedah atau cara untuk memindahkannya. Atas kesedaran inilah, Medium Books & Consultancy menganjurkan Kursus Pemindahan Tesis ke Buku pada 23 hingga 26 Jun 2008 ini.

Kursus yang ditujukan kepada para pensyarah, editor dan penyelidik ini adalah untuk memberikan bimbingan kepada peserta untuk memindahkan tesis masing-masing kepada manuskrip yang boleh diterbitkan. Peserta akan diberikan panduan tentang langkah-langkah yang wajar dilakukannya untuk membolehkan tesis masing-masing diterbitkan.

Kursus intensif selama empat hari ini akan dibimbing oleh penceramah penerbitan yang tidak asing lagi. Mereka ialah Profesor Dr. Md. Sidin Ishak dan Profesor Madya Dr. Hamed Mohd. Adnan.

Kedua-duanya pernah menjadi Ketua Penerbit Universiti Malaya dan sering diundang untuk memberikan bimbingan tentang cara memindahkan tesis ke buku di negara ini.

Antara perkara yang akan disentuh dalam kursus itu nanti ialah konsep tesis dan buku ilmiah, binaan buku ilmiah, proses penerbitan buku ilmiah, persamaan dan perbezaan tesis dengan buku, membedah tesis, pengubahsuaian kandungan tesis untuk buku, gaya dalam buku ilmiah, kaedah pengubahsuaian tesis ke buku, dan isu etika dan undang-undang dalam penerbitan ilmiah.

Para peserta dikehendaki membawa tesis masing-masing dan di akhir kursus, mereka diharap dapat memindahkan tesis berkenaan untuk diterbitkan dalam bentuk buku.

Makluman lanjut tentang kursus ini boleh diperolehi dengan melayari laman web Medium Books & Consultancy di www.mediumbooks.net atau dengan menghubungi talian 03-82101355 atau 017-3077722.